



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**TUKANG ELEKTRIK LAUT TINGKAT I (C.1 EB.2)
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG ELEKTRIK LAUT TINGKAT I
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 EB KHAS \$1,990 - \$2,230 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrik / Marine Engineering atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Polis Diraja Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengesan kerosakan, pembaikan dan pemeliharaan peralatan dan pemasangan elektrik di kapal / bot dan *workshop*;
2. Membuat kerja-kerja pemasangan peralatan elektrik dan pendawaian;
3. Mengawal penggunaan dan keperluan alat ganti dan perkakas, kerja bagi pemasangan elektrik di kapal / bot Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); dan
4. Membantu di dalam kerja *workshop* dan *shopway* selainnya.